

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 OKTOBER 2023

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 3

HARI : SELASA

'Bagai rezeki terprijak menang hadiah'

Kuala Lumpur: 'Bagai rezeki terprijak'.

Begitulah perumpamaan digambaran seorang ibu, Machap Balaraman, 39, apabila terpilih sebagai pemenang 'Cabutan Siri Wow! Syoknya Raya' anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Ini umpama mimpiku kerana saya baru sahaja buka akaun Simpan SSPN untuk tiga anak pada Mac lalu," katanya yang bertugas sebagai pengawal keselamatan di sebuah sekolah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan ketika ditemui pada majlis pelancaran Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023.

Macap berkata, beliau terkejut dan sukar untuk percaya ketika menerima panggilan daripada PTPTN yang memaklum-

kan namanya memenangi cabutan bertuah.

"Namun saya turut menerima e-mail dan kad jemputan mengenai majlis ini dan barulah saya percaya," katanya yang membawa pulang hadiah wang tunai RM2,023 disampaikan Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim.

Berterima kasih kepada PTPTN dan menyifatkan inisiatif tabungan pendidikan dilaksanakan perbadanan itu sebagai yang terbaik, beliau mengajak orang ramai yang belum membuat akaun Simpan SSPN agar segera berbuat demikian kerana ia untuk masa depan anak-anak.

Seorang lagi pemenang cabutan, Mohd Yazeed Othman, 37, yang mula menabung untuk lima anaknya berusia satu tahun hing-

ga 10 tahun bermula Oktober tahun lalu, mengakui agak lambat membuka akaun Simpan SSPN.

"Saya bersyukur menerima hadiah ini, sekiranya kurangnya dapat menambah simpanan dalam tabung pendidikan anak. Sebagai bapa, sangat penting dan menjadi tanggungjawab saya menyediakan perbelanjaan pendidikan buat mereka," katanya.

Tingkat kesedaran

Sementara itu, pengunjung BMS 2023, Sharifah Nor Aini Sayed Zin, 45, berkata program yang dianjurkan oleh PTPTN bagus dan mampu menyebarkan luas kepentingan menabung untuk pendidikan masa hadapan anak masing-masing.

"Menyedari kos pendidikan kini semakin meningkat, saya ne-



Pemenang Cabutan WOW! Syoknya Raya, Mohd Yazeed menerima hadiah berupa wang tunai bernilai RM2,023.

kad untuk membuka tabung penurang-kurangnya RM50 setiap bulan untuk dimasukkan ke dalam tabung setiap lima anaknya yang berusia antara dua hingga 16 tahun sejak tahun lalu demi masa depan mereka dalam pelajaran.

43, beliau menetapkan sekudian untuk anak. Kita tahu kos pendidikan semakin lama semakin meningkat, jadi saya fikir lebih baik bermula awal untuk masa depan anak," katanya.

Bagi Azuan Halif Abdul Majid,